

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1987/88

**EBU 401/2 JURUTERA DALAM MASYARAKAT II**

Tarikh: 21 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab 2 soalan dari Bahagian A dan 2 soalan dari Bahagian B.
3. Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Dalam Undang-Undang Agensi, Prinsipal dan Agen mempunyai tanggungjawab terhadap satu sama lain. Sila nyatakan dan terangkan 5 daripada tanggungjawab-tanggungjawab yang ada pada Agen terhadap Prinsipalnya.
  
2. Sila nyatakan bidangkuasa jenayah dan sivil Mahkamah Rendah (Sesyen & Majistret).
  
3. Mat Ali telah membuat satu perjanjian dengan Encik Ahmad di mana Mat Ali bekerja sebagai pemandu dan hendaklah memandu kereta kepunyaan Encik Ahmad samada untuk kegunaan persendirian bagi Encik Ahmad atau untuk sewa. Encik Ahmad gagal membayar upah kepada Mat Ali selama beberapa bulan. Akibatnya Mat Ali membuat tuntutan di Mahkamah dan Encik Ahmad diperintah membayar wang upah sebanyak \$500/- kepada Mat Ali.

Kereta kepunyaan Encik Ahmad itu, lesennya hanyalah terhad kepada kegunaan persendirian sahaja. Tetapi Mat Ali menggunakannya untuk sewaan dan Encik Ahmad tahu akan perkara ini.

Sila beri pendapat anda akan kesahihan dan akibat kontrak ini.

...3/-

BAHAGIAN B

4. a) Perakaunan kewangan mementingkan objektiviti dan peraturan-peraturan yang harus dipatuhi dalam perakaunan adalah dikenali sebagai konsep perakaunan. Bincangkan sebabnya kepentingan konsep perakaunan berikut:-

- i) konsep kos
- ii) konsep penglibatan berterusan
- iii) konsep terakhir (60 markah)

b) Perkara-perkara yang juga harus diambilkira dalam penggunaan konsep-konsep tersebut adalah dikenali sebagai amalan perakaunan berikut:-

- i) kebendaan
- ii) ketakalan (ketepatan) (40 markah)

5. Analisa nisbah kewangan adalah salah satu langkah dalam penilaian kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah organisasi. Bincangkan nisbah-nisbah berikut dari segi cara pengiraan, maksudnya dan peminatnya.

- a) Nisbah ujian asid
- b) Nisbah ekuiti
- c) Pulangan pelaburan. (100 markah)

ooo0ooo